

Malaysia bukan negara polis - Musa

Oleh **RUHADIN ABD KADIR**

Pihak polis tidak pernah mewujudkan keadaan di mana negara ini boleh dianggap sebagai negara polis

MUSA HASSAN
Ketua Polis Negara

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Polis Diraja Malaysia (PDRM) hari ini menolak dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah sebuah negara polis.

Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Musa Hassan menegaskan, pihak polis tidak pernah mewujudkan keadaan di mana negara ini boleh dianggap sebagai negara polis.

"Sejak saya menerajui PDRM, jabatan ini lebih terbuka kepada pendapat dan pandangan orang ramai.

"Ini boleh dilihat di mana saya sendiri mengadakan beberapa siri perbincangan seperti yang diadakan dengan pihak Majlis Peguam dan lain-lain badan bukan kerajaan, untuk berbincang berkaitan rungutan dan aduan orang ramai," katanya dalam sa-

tu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan yang dibuat oleh Dr. Mahathir bahawa Malaysia adalah sebuah negara polis dan pasukan itu akan mengganggu serta mengugut sesiapa yang cuba mengadakan majlis yang mungkin mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam kenyataan yang dibuat pada 27 Oktober lalu, Dr. Mahathir turut menyebut, mereka juga akan dipanggil, ditahan dan disoal siasat oleh polis berkali-kali jika mengadakan majlis berkenaan.

Mengulas mengenai perkara itu, KPN berkata, setakat ini pihaknya tidak pernah menahan dan menyoal siasat sesiapa yang menganjurkan perhimpunan-perhimpunan awam untuk Dr. Mahathir atau mengganggu perhimpunan-perhimpunan tersebut.

"Pihak polis sebenarnya telah memberikan kawalan keselamatan yang lebih ketat untuk Dr. Mahathir di majlis-majlis yang beliau hadir semenjak insiden di Kelantan," katanya.

Dalam kejadian pada 28 Julai lalu, Dr. Mahathir, yang tiba di Kota Bharu untuk lawatan sehari ke Kelantan, tidak dapat berucap

kepada orang ramai yang menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, setelah disembur sejenis bahan pemedih mata oleh orang yang tidak dikenali.

Dr. Mahathir kelihatan terbatuk-batuk semasa hendak memulakan ucapannya menggunakan pembesar suara dari dalam sebuah kenderaan pacuan empat roda bumbung terbuka pada kira-kira pukul 11 pagi.

"Polis tidak pernah mengugut sesiapa yang ingin mengadakan perhimpunan atau majlis awam. Jika ia mendapat permit polis, kita akan pantau dan sekiranya ia mengugut keselamatan dan ketenteraman awam, kita nasihat atau arahkan ia dihentikan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Musa menjelaskan, polis juga tidak pernah menolak seba-

• **Lihat muka 2**

Malaysia bukan negara polis - Musa

rang permohonan untuk mengadakan perhimpunan melainkan setelah disiasat dengan teliti, mendapati perhimpunan itu boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam.

Beliau berkata, dalam menimbang sebarang permohonan, polis akan mengkaji sama ada terdapat isu-isu berunsur hasutan yang boleh mengugut keselamatan dan ketenteraman awam, ataupun merosakkan harta benda atau mengancam nyawa orang ramai.